

**PEKELILING PEJABAT KEWANGAN NEGERI  
NEGERI SEMBILAN BIL. 3 TAHUN 2011**

**SEMUA KETUA JABATAN  
PIHAK BERKUASA TEMPATAN  
BADAN BERKANUN NEGERI  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

**PERATURAN DAN KADAR BEKALAN PAKAIAN SERAGAM  
BAGI JABATAN / AGENSI KERAJAAN NEGERI SEMBILAN**

**TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan peraturan baru berhubung pembekalan pakaian seragam kepada penjawat awam bagi Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri Sembilan.

**LATAR BELAKANG**

2. Pada masa ini, kelayakan pakaian seragam ditetapkan oleh Pekeliling Perkhidmatan Bil.7 Tahun 1990 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 1995 dan akta/peraturan perkhidmatan berkaitan. Peraturan bagi membekalkan pakaian seragam pula ditetapkan di bawah Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 Tahun 2002 (PP Bil.6/2002). Selaras dengan keadaan semasa, Perbendaharaan Malaysia bersetuju supaya PP Bil.6/2002 disemak semula.

**TAFSIRAN**

3. Melainkan sesuatu itu terjelas maksudnya dalam Pekeliling ini, tafsiran di bawah ini hendaklah diikuti:

"Pakaian Seragam" adalah bermaksud pakaian dan kelengkapan lain yang dibekalkan kepada pegawai yang layak seperti yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 1990, Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 1995 dan akta/peraturan perkhidmatan berkaitan serta pindaannya.

#### KEMUDAHAN BEKALAN PAKAIAN SERAGAM

4. Kerajaan Negeri telah memutuskan untuk membekalkan pakaian seragam kepada pegawai yang layak sebanyak tiga (3) pasang berdasarkan kadar yang telah dipinda seperti berikut:

Bil.	Jenis	Kadar Maksimum Sepasang (RM)
1.	Pakaian Seragam Lelaki	150.00
2.	Pakaian Seragam Perempuan	150.00
3.	<i>Overall</i>	150.00
4.	<i>Overcoat</i>	80.00

5. Jabatan hendaklah menguruskan pembekalan pakaian seragam yang siap dijahit dari kain berkualiti mengikut peraturan dan prosedur perolehan yang berkuat kuasa.

#### KEMUDAHAN BEKALAN KASUT

6. Kerajaan Negeri bersetuju untuk membekalkan dua (2) pasang kasut kepada pegawai yang layak berdasarkan kadar maksimum seperti berikut:

Bil.	Jenis	Kadar Maksimum Sepasang (RM)
1.	Kasut Hitam	120.00
2.	Boot Keselamatan	180.00

7. Bagi pembelian *boot* keselamatan, kelulusan Pegawai Kewangan Negeri hendaklah diperoleh terlebih dahulu sebelum pembelian dilaksanakan.

### TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PENGAWAL

8. Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab memastikan perkara berikut:


- i. Menguruskan bekalan pakaian seragam kepada pegawai masing-masing pada setiap tahun mengikut prosedur perolehan dan peraturan kewangan semasa yang ditetapkan;
- ii. Menentukan keperluan dan spesifikasi kasut adalah bersesuaian dengan tugas pegawai; dan
- iii. Memastikan peruntukan tahunan jabatan adalah mencukupi bagi menyediakan pakaian seragam kepada pegawai pada setiap tahun.

### PEMAKAIAN PEKELILING

9. Pekeliling ini dipanjangkan kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan, Negeri Sembilan dan Badan-Badan Berkanun Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan untuk digunapakai dengan disesuaikan dimana perlu.

### TARIKH KUAT KUASA

10. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai **1 Januari 2011**.

  
(DATO' AB. RADZAK BIN AB. RAHMAN)  
Pegawai Kewangan Negeri  
Negeri Sembilan

Tarikh : *3 Oktober 2011*

- s.k.
- i. Pengarah  
Jabatan Audit Negara Negeri Sembilan  
Wisma Audit, Seremban 2  
70300 Seremban
  - ii. Timbalan Pegawai Kewangan Negeri  
**Negeri Sembilan Darul Khusus**
  - iii. Bendahari Negeri  
**Negeri Sembilan Darul Khusus**
  - iv. Fail Timbul